

Polis tahan wanita Vietnam kerana disyaki membuang anak

# Bayi ditemui dalam tong sampah

KOSMO 8/11/2011 MS 9.

## KES 1

Oleh RAIS YEOP JOHARI  
rais.johari@kosmo.com

SEREMBAN – Polis menahan seorang wanita Vietnam selepas dipercayai membuang bayi lelaki yang baru dilahirkan ke dalam sebuah tong sampah di tepi jalan di Apartmen Desa Jati dekat Nilai di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Saiful Azly Kamaruddin berkata, bayi maling yang dibungkus dengan uniform sebuah kilang dan dimasukkan ke dalam beg plastik ditemui seorang wanita pada pukul 7.30 malam selepas terdengar bunyi seperti anak kucing di sebuah kedai tempat dia bekerja.

“Pekerja wanita itu pada mulanya menyangka bunyi anak kucing tetapi apabila dia mengham-piri bunyi itu dia terkejut menjumpai bayi lelaki di dalam sebuah tong sampah di tepi jalan di taman itu,” kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut beliau, wanita itu membuat laporan polis dan bayi



BAYI lelaki (gambar kecil) yang masih hidup ditemui dalam tong sampah di kawasan pembuangan sampah Apartmen Desa Jati, Nilai kelmarin.

seberat 2.5 kilogram yang masih bertali pusat dihantar ke Hospital Tuanku Ja'afar di sini.

Kata Saiful Azly, polis yang menyiasat uniform yang ditemui itu berjaya menahan seorang wanita Vietnam yang berusia 24 tahun yang dipercayai ibu bayi itu pada pukul 12 tengah malam hari sama di kawasan taman berkenaan.

Wanita itu direman selama empat hari bermula kelmarin bagi membantu siasatan berhubung kes itu.



## Mayat si kecil dibungkus tuala

### KES 2

KUALA LUMPUR – Seorang pekerja syarikat yang mengutip sampah terkejut apabila menemui mayat seorang bayi lelaki di tempat pembuangan sampah di Jalan 4/6 Pandan Perdana, Ampang Jaya dekat sini semalam.

Dalam kejadian pada pukul 5.30 pagi, lima pekerja warga Indonesia yang bekerja dengan sebuah syarikat mengutip sampah ternampak satu bungkusan yang dibalut dengan baju wanita dan tuala warna biru muda dalam timbunan sampah itu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisi-

oner Amiruddin Jamaluddin berkata, sebaik pekerja itu membuka balutan baju dan tuala tersebut, mereka terkejut menemui mayat bayi lelaki dalam balutan itu.

“Pemeriksaan mendapati, bayi tersebut baru dilahirkan kerana pekerja itu juga menemui uri bersama mayat bayi tersebut,” kata beliau ketika dihubungi di sini semalam.

Sehubungan itu, menurut beliau, orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai bayi itu diminta menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya di talian 03-42522222 atau mana-mana balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.